



Bahasa Melayu
简体中文
ENGLISH

KS360

KS360 Panduan Pengguna

LG ELECTRONICS INC.

P/N : MMBB0312401 (1.0) G

CE 0168

www.lgmobile.com

Bluetooth QD ID B014200



Sesetengah kandungan dalam manual ini mungkin berbeza daripada telefon anda bergantung pada perisian telefon atau pembekal khidmat anda.



KS360 Panduan Pengguna | Bahasa Melayu

Tahniah kerana membeli telefon KS360 LG yang canggih dan kompak, yang direka bentuk dengan teknologi komunikasi digital mudah alih yang terkini.

PERSEDIAAN	01
SKRIN SIAP SEDIA ANDA	02
ASAS	03
JADI KREATIF	04
JADI TERSUSUN	05
PELAYAR	06
TETAPAN	07
AKSESORI	08

Kandungan

01 PERSEDIAAN		Kenalan	20
Mengenal telefon anda.....	7	Mencari kenalan	20
Paparan terbuka	8	Menambah kenalan baru	20
Memasang SIM dan bateri	10	Pilihan kenalan.....	20
Kad memori.....	13	Menambah kenalan ke kumpulan	21
Memasang kad memori	13	Menamakan semula kumpulan.....	21
Mengeluarkan kad memori.....	13	Menambah gambar kepada kenalan	21
Memformat kad memori.....	13	Menyalin kenalan anda ke SIM	22
Peta menu	14	Memadam semua kenalan anda.....	22
		Memapar maklumat.....	22
02 SKRIN SIAP SEDIA ANDA		Mesej	23
Skrin siap sedia anda.....	15	Mesej	23
Bar status	15	Menghantar mesej.....	23
		Memasukkan teks	24
03 ASAS		Mod input teks menggunakan pad kekunci ..	24
Panggilan.....	16	Menyediakan e-mel anda.....	24
Membuat panggilan.....	16	Menghantar e-mel menggunakan	
Membuat panggilan dari kenalan anda....	16	akaun baru anda	25
Menjawab dan menolak panggilan.....	16	Folder mesej	25
Melaraskan kelantangan panggilan	16	Menguruskan mesej anda	26
Dailan cepat.....	17	Menggunakan templat	26
Melihat log panggilan anda	17	Menukar tetapan mesej teks anda	27
Menggunakan alihan panggilan	18	Menukar tetapan mesej multimedia anda ..	27
Mengguna sekatan panggilan.....	18	Menukar tetapan e-mel anda	28
Menukar tetapan panggilan.....	19	Menukar tetapan mesej yang lain	28

04 JADI KREATIF

Multimedia	29	Menetapkan kembali saluran.....	38
Menangkap foto pantas	29	Mendengar radio	38
Sebelum anda mengambil foto	29	Menggunakan perakam suara	38
Selepas anda mengambil foto	30	Merakam memo suara.....	38
Menggunakan tetapan pantas	30	Menghantar rakaman suara	38
Menukar saiz imej	31	Bahan saya	39
Melihat foto yang disimpan	31	Imej	39
Menetapkan foto sebagai Kertas hias dinding atau ID gambar	31	Menu pilihan imej.....	39
Menangkap video pantas	32	Menghantar foto	40
Setelah anda menangkap video	32	Mengaturkan imej anda	40
Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan	33	Memadam imej	40
Menggunakan tetapan pantas	33	Memadam imej berbilang.....	40
Melihat video anda yang disimpan	33	Membuat pertunjukan slaid	41
Melaraskan kelantangan apabila melihat video	33	Bunyi	41
Pemain MP3	34	Menggunakan bunyi	41
Memindahkan muzik pada telefon anda ..	34	Video	41
Memainkan lagu.....	34	Menonton video.....	42
Menggunakan pilihan sambil memainkan muzik.....	35	Menggunakan pilihan semasa video dijeda ..	42
Membuat senarai main	35	Menghantar klip video.....	42
Memainkan senarai main	35	Menu pilihan video.....	42
Mengedit senarai main	36	Dokumen	43
Memadam senarai main	36	Melihat dokumen.....	43
Menggunakan Radio FM	37	Lain-lain	43
Mencari stesen.....	37	Memori luar	43
		Permainan dan Aplikasi	44
		Permainan dan Aplikasi.....	44
		Memainkan permainan.	44
		Melihat aplikasi	44
		Menukar profil rangkaian	44

Kandungan

05 JADI TERSUSUN

Pengatur & Alatan	45
Menambah peristiwa pada kalendar anda	45
Mengedit peristiwa kalendar	45
Berkongsi peristiwa kalendar	46
Menambah memo	46
Menetapkan penggera anda	46
Menggunakan kalkulator anda	47
Gunakan jam randik	47
Menukar unit	47
Menambah bandar pada jam dunia anda	47
Perkhidmatan SIM	48

06 PELAYAR

Pelayar	49
Mengakses web	49
Bergembira dengan Yahoo!	49
Menambah dan mengakses penanda buku anda	49
Mengakses halaman disimpan	50
Melihat sejarah pelayar anda	50
Menukar tetapan pelayar web	50

07 TETAPAN

Tetapan	51
Menukar profil anda	51
Memperibadikan profil anda	51
Menukar tarikh dan masa anda	51

Menukar bahasa	51
Menukar tetapan paparan anda	52
Tukarkan tetapan keselamatan anda	52
Menggunakan mod penerbangan	53
Menggunakan jimat tenaga	53
Menetapkan semula telefon anda	53
Melihat status memori	53
Menukar tetapan Bluetooth anda	53
Menukar tetapan kesambungan anda	54
Pasangan dengan peranti Bluetooth lain	54
Menggunakan alat dengar Bluetooth	55
Gunakan telefon anda sebagai peranti penyimpanan massa	55
Memindahkan fail kepada telefon anda	56
Menghantar dan menerima fail anda menggunakan Bluetooth	56

08 AKSESORI

Aksesori	58
Perkhidmatan rangkaian	59
Data teknikal	59
Umum	59
Suhu Ambien	59

Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien	61
-------------------------------------------------------------	----

Mengenalai telefon anda

Kekunci Volum

- Dalam mod siap sedia: Mengawal kelantangan deringan.
- Semasa panggilan: Mengawal kelantangan penerima.

Skrin utama

Kekunci OK

Kekunci lembut kiri

Pergi ke menu utama secara terus.

Kekunci panggilan

Dail nombor telefon dan jawab panggilan masuk.

Kekunci pad sentuh

Aktifkan skrin sentuh dengan menekan kekunci.

Kekunci navigasi

- Dalam menu: Navigasi antara menu.

Pengecas, Kabel, Penyambung alat bebas tangan

Slot kad memori

Kekunci main Kamera

Kekunci lembut kanan

Pergi ke Kenalan secara terus.

Kekunci Tamat/Kuasa

Tamatkan atau tolak panggilan. Hidupkan/Matikan telefon. Kembali ke skrin siap sedia apabila anda menggunakan menu.

Kekunci kosongkan

Memadam aksara dengan setiap tekanan. Guna kekunci ini untuk kembali ke skrin sebelumnya.

01

02

03

04

05

06

07

08

Paparan terbuka

Kekunci lembut kiri/ Kekunci lembut kanan

Menjalankan fungsi penunjuk pada bahagian bawah paparan.

Kekunci lembut kiri: Pergi terus ke menu utama.

Kekunci lembut kanan: Pergi terus ke Kenalan.

Kekunci Fn

Menukar daripada mod teks kepada mod simbol/angka dan mengunci pad kekunci.

Kekunci simbol

Memasukkan aksara simbolik.

Menukar mod teks

(Huruf Besar/Kecil)

Kekunci abjad angka

Kekunci Ruang

Gunakan untuk memasukkan ruang semasa mengedit.

Kekunci Enter

Kekunci OK


Memilih pilihan menu dan mengesahkan tindakan.

Kekunci mesej

Kekunci kosongkan

- Mengosongkan aksara dengan setiap tekanan. Tahan kekunci ini ke bawah untuk mengosongkan semua input.
- Gunakan kekunci ini untuk kembali ke skrin sebelumnya.





01

02

03

04

05

06


07

08

Memasang SIM dan bateri


1 Tanggalkan penutup bateri

Tekan penutup kunci pelepas bateri.
Lungsurkan penutup bateri ke bahagian bawah dan ke arah luar dari telefon.



2 Keluarkan bateri

Umpil hujung bawah bateri dan keluarkan ia dengan cermat daripada ruang bateri.




AMARAN: Jangan keluarkan bateri semasa telefon dihidupkan, ia mungkin akan merosakkan telefon.

3 Pasang kad SIM


Luncurkan kad SIM ke dalam pemegang kad SIM. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghala ke bawah. Untuk membuang kad SIM, tarik ia dengan lembut dalam arah bertentangan.

AMARAN: Jangan masukkan kad SIM semasa papan kekunci dibuka kerana ia boleh merosakkan telefon dan kad SIM anda.



4 Memasang baterai

Masukkan bagian atas baterai terlebih dahulu ke pinggir atas petak baterai. Pastikan sesentuh baterai sejajar dengan terminal pada telepon. Tekan bagian bawah baterai ke bawah sehingga ia klip pada tempatnya.



01

02

03

04

05

06


07

08

Memasang SIM dan bateri

5 Letak semula penutup bateri

Masukkan bahagian bawah penutup bateri dan tolak ke bawah sehingga ia berdetap pada tempatnya.



6 Mengecas telefon anda

Tarik keluar penutup soket pengecas pada sisi KS360. anda. Masukkan pengecas dan palamkan ia ke soket elektrik utama. KS360 anda perlu dicas sehingga mesej memberitahu Telah Dicas Sepenuhnya muncul pada skrin.

⚠️ AMARAN: Jangan caj telefon semasa ia berada pada perabot lembut. Telefon harus dicas di kawasan pengalihan udara yang baik.




Kad memori

Memasang kad memori

Anda boleh besarkan ruang memori yang tersedia pada telefon anda dengan menggunakan kad memori.

PETUA! Kad memori adalah aksesori pilihan.

Buka slot kad memori. Luncurkan kad memori ke dalam penutup slot, sehingga ia berdetap pada tempatnya. Pastikan kawasan sesentuh emas menghala ke atas.



Mengeluarkan kad memori

Buka penutup dan keluarkan kad memori berhati-hati dengan menolaknyanya perlahan ke dalam telefon dan lepaskannya dengan cepat, seperti yang ditunjukkan dalam diagram berikut:



Memformat kad memori

Jika kad memori anda belum diformat, anda perlu formatkannya sebelum anda boleh mula menggunakannya.

- 1 Daripada skrin siap sedia sentuh **OK** dan pilih **Tetapan**. Kemudian pilih tetapan **Telefon**.
- 2 Pilih **Status memori** dan pilih **Memori luaran**.

AMARAN: Apabila anda memformat kad memori anda, semua kandungan akan di padam. Jika anda tidak mahu kehilangan data pada kad memori anda, buat sandaran terlebih dahulu.

01

02

03

04

05

06

07

08

Peta menu



Permainan & Aplikasi

- 1 Permainan
- 2 Aplikasi
- 3 Profil Rangkaian



Rekod Pgl'n

- 1 Semua panggilan
- 2 Pgl'n tak dijawab
- 3 Panggilan didail
- 4 Panggilan diterima
- 5 Tempoh panggilan
- 6 Kos panggilan
- 7 Maklumat data



Kenalan

- 1 Cari
- 2 Kenalan baru
- 3 Dail cepat
- 4 Kumpulan
- 5 Salin semua
- 6 Padam semua
- 7 Tetapan
- 8 Maklumat



Multimedia

- 1 Pemain MP3
- 2 Kamera
- 3 Kamera Video
- 4 Radio FM
- 5 Perakam suara



Mesej

- 1 Mesej baru
- 2 Peti masuk
- 3 Peti e-mel
- 4 Draf
- 5 Peti keluar
- 6 Dihantar
- 7 Dengar mel suara
- 8 Mesej maklumat
- 9 Templat
- 0 Tetapan



Bahan saya

- 1 Imej
- 2 Bunyi
- 3 Video
- 4 Dokumen
- 5 Lain-lain
- 6 Memori Luaran



Profil

- 1 Umum
- 2 Senyap
- 3 Getar sahaja
- 4 Kuat
- 5 Alat Dengar



Pengurus

- 1 Kalendar
- 2 Memo



Alatan

- 1 Jam penggera
- 2 Kalkulator
- 3 Jam randik
- 4 Penukar unfrit
- 5 Jam dunia
- 6 Perkhidmatan SIM



Pelayar

- 1 Rumah
- 2 Yahoo!
- 3 Penanda Buku
- 4 Masukkan Alamat
- 5 Sejarah
- 6 Laman disimpan
- 7 Tetapan
- 8 Maklumat



Kesambungan

- 1 Bluetooth
- 2 Rangkaian
- 3 Sambungan USB



Tetapan

- 1 Tarikh & Masa
- 2 Bahasa
- 3 Paparan
- 4 Pintasan
- 5 Panggil
- 6 Keselamatan
- 7 Mod penerbangan
- 8 Jimat tenaga
- 9 Reset
- 0 Status memori

Skrin siap sedia anda

Bar status

Bar status dengan menggunakan pelbagai ikon menunjukkan perkara seperti kekuatan isyarat, mesej baru dan hayat bateri dan di samping memberitahu sama ada Bluetooth telah aktif.

Di bawah adalah jadual yang menjelaskan makna ikon yang anda akan lihat dalam bar status.

Ikon	Gambaran
	Kekuatan isyarat rangkaian (bilangan bar mungkin berbeza)
	Tiasa isyarat rangkaian
	Perkhidmatan perayauan
	Bluetooth diaktifkan
	Perkhidmatan WAP disambungkan
	Penggera ditetapkan
	Mesej baru

Ikon	Gambaran
	Mesej suara baru
	Profil umum digunakan
	Profil senyap digunakan
	Profil getaran digunakan
	Profil kuat digunakan
	Profil alat dengar digunakan
	Baki hayat bateri
	Bateri kosong

01

02

03

04

05





06

07

08


Panggilan

Membuat panggilan

- 1 Pastikan telefon anda dihidupkan.
- 2 Cara terpantas untuk membuat panggilan adalah dengan mengaktifkan mod sentuh dengan menekan . Jika anda menekan kekunci ini, anda boleh menyentuh skrin untuk memasukkan nombor telefon dan membuat panggilan. Atau, anda boleh gunakan pad kekunci setelah membuka gelangсар. Untuk memadam digit, tekan  atau anak panah ke belakang.
- 3 Pilih  untuk mulakan panggilan.
- 4 Untuk menamatkan panggilan, slaid  atau luncur tutup pad kekunci.

PETUA! Untuk masukkan + untuk membuat panggilan antarabangsa, tekan dan tahan **0**.

Membuat panggilan dari kenalan anda


- 1 Pilih **Kenalan** dalam menu dan pilih Cari.
- 2 Dengan menggunakan pad kekunci, masukkan huruf pertama kenalan yang anda mahu buat panggilan dan tatal kepada kenalan.
- 3 Pilih  untuk mulakan panggilan.

Menjawab dan menolak panggilan

Apabila telefon anda berdering, sentuh **Terima** atau sentuh  untuk menjawab panggilan.

Apabila telefon anda berdering, tekan kekunci kamera, kemudian pilih **Senyap** untuk bisukan deringan. Ia adalah bagus sekiranya anda terlupa untuk menukar profil anda kepada **Senyap** semasa mesyuarat.

Gelangsarkan  ke arah bawah telefon atau sentuh **Tolak** untuk menolak panggilan masuk.

PETUA! Anda boleh mengubah tetapan pada telefon anda untuk menjawab panggilan dengan pelbagai cara yang berlainan. Sentuh , pilih **Tetapan** dan pilih **Panggil**. Pilih **Mod jawab** dan pilih dari **Luncur buka**, **Mana-mana kekunci** atau **Kekunci terima sahaja**.


Melaraskan kelantangan panggilan

Untuk selaraskan kelantangan semasa panggilan, tekan kekunci kelantangan di sebelah kiri telefon anda.


Dailan cepat

Anda boleh berikan nombor dailan pantas pada kenalan anda dengan kerap.

- 1 Tekan **Menu** dan pilih **Kenalan**, kemudian pilih **Dail cepat**.
- 2 Mel suara anda ditetapkan ke dailan pantas 1 dan anda tidak boleh menukarnya. Pilih mana-mana nombor lain sama ada menggunakan kekunci navigasi dan pilih **Berikan** atau dengan menekan nombor kekunci keras.
- 3 Alamat anda akan dibuka kemudian. Pilih kenalan yang anda mahu berikan kepada nombor menggunakan kekunci navigasi, kemudian pilih **OK**.

Untuk memanggil nombor dailan cepat, tekan dan tahan nombor yang diberikan sehingga kenalan muncul pada skrin. Panggilan akan menjemput secara automatik; tidak perlu untuk menekan .

Melihat log panggilan anda

Tekan **Menu** atau , pilih **Rekod PglIn**. Pilih untuk melihat:

Semua panggilan - Lihat senarai lengkap bagi semua panggilan anda yang didail, diterima dan tidak dijawab.

PglIn tidak dijawab - Memaparkan senarai sebarang panggilan yang anda tidak jawab.

Panggilan didail - Lihat senarai semua nombor yang telah anda dail.

Panggilan diterima - Lihat senarai semua nombor yang telah memanggil anda.

Tempoh panggilan - Memaparkan butiran berapa lama anda telah menghabiskan masa untuk panggilan; menerima panggilan dan mendail nombor.

Kos panggilan - Memaparkan bayaran yang dikenakan terhadap Panggilan terakhir atau Semua panggilan anda. Perkhidmatan ini bergantung kepada rangkaian, sesetengah operator tidak boleh menyokong perkhidmatan ini.

Maklumat data - Memaparkan jumlah data yang anda terima dan hantar dalam kilobait.

PETUA! Daripada sebarang log panggilan, pilih **Pilihan** dan pilih **Padam** untuk memadam item yang dipilih.

PETUA! Dengan menggunakan kekunci navigasi, serlahkan sebarang entri panggilan tunggal untuk melihat tarikh dan masa panggilan. Untuk melihat tempoh panggilan, pilih **Paparkan**.

01

02

03

04

05


06

07

08

Panggilan


Menggunakan alihan panggilan

- 1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Tetapan** dan pilih **Panggilan**.
- 2 Pilih **Alihan** panggilan.
- 3 Pilih sama ada mahu mengalihkan semua panggilan, apabila talian sibuk, semasa tiada jawapan, semasa anda tidak dapat dihubungi, semua panggilan data atau semua panggilan faks.
- 4 Pilih **Aktifkan** dan pilih sama ada untuk alihkan kepada mel suara, nombor lain atau nombor kegemaran anda.
- 5 Masukkan nombor alihan anda atau pilih **Cari** untuk semak imbas **Kenalan** bagi nombor alihan anda.

Nota: Caj dikenakan bagi panggilan yang dialihkan. Sila hubungi pembekal rangkaian anda untuk mendapatkan butiran.


PETUA! Untuk matikan semua sekatan panggilan, pilih **Batal semua** daripada menu **Sekatan panggilan**.

Mengguna sekatan panggilan

- 1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Tetapan** dan pilih **Panggilan**.
- 2 Pilih **Sekatan panggilan**.
- 3 Pilih sebarang atau kesemua tujuh pilihan:
 - Semua keluar**
 - Antarabangsa keluar**
 - Keluar antarabangsa kecuali negara asal**
 - Semua masuk**
 - Masuk apabila di luar negara**
 - Batal semua sekatan**
 - Tukar kata laluan**
- 4 Pilih **Aktifkan** dan masukkan kata laluan sekatan panggilan. Sila semak dengan operator rangkaian anda untuk perkhidmatan ini.

PETUA! Pilih **Nombor dail tetap** daripada menu **Panggilan** untuk hidupkan dan menyusun senarai nombor yang boleh dipanggil daripada telefon anda. Anda memerlukan kod PIN2 daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

Menukar tetapan panggilan

- 1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Tetapan** dan pilih **Panggil**.
- 2 Dari sini anda boleh mengubah tetapan untuk:

Alihan panggilan – Pilih sama ada untuk alih panggilan anda.

Sekatan panggilan – Pilih apabila anda hendak panggilan disekat.

Nombor dailan tetap – Pilih senarai nombor yang boleh dipanggil dari telefon anda.

Mod jawab – Pilih sama ada untuk menjawab telefon menggunakan hanya kekunci terima, sebarang kekunci atau dengan meluncurkan membuka alat dengar anda.

Hantar nombor saya – Pilih sama ada nombor anda akan dipaparkan apabila anda memanggil seseorang.

Panggilan menunggu – Diberi amaran apabila anda mempunyai panggilan menunggu.

Penjaga minit – Pilih **Hidupkan** untuk mendengar nada setiap minit semasa panggilan.

Dail semula auto – Telefon akan cuba mendail semula secara automatik sekiranya gagal untuk menyambungkan panggilan.

Hantar nada DTMF – Anda oleh menghantar nada DTMF (dwi nada berbilang frekuensi) nombor pada paparan semasa panggilan. Pilihan ini sangat membantu untuk memasukkan kata laluan atau nombor akaun semasa sistem anda diautomatikan, seperti perkhidmatan perbankan.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kenalan

Mencari kenalan

- 1 Pilih **Kenalan** daripada menu utama dan pilih **Cari**.
- 2 Dengan menggunakan pad kekunci atau pad sentuh, masukkan huruf pertama kenalan yang anda mahu buat panggilan.
- 3 Untuk tatal menerusi kenalan dan nombornya yang lain, gunakan kekunci navigasi.

Menambah kenalan baru

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Kenalan baru**.
- 2 Pilih sama ada untuk menyimpan kenalan baru anda pada **Telefon** atau kad **SIM** anda.
- 3 Masukkan semua maklumat yang anda ada di dalam medan yang disediakan dan pilih **Simpan**.

Atau menggunakan cara yang lebih cepat...

- 1 Masukkan nombor yang anda mahu simpan dan tekan **Pilihan**.
- 2 Pilih **Simpan** atau **Tambah pada kenalan sedia ada**.
- 3 Masukkan maklumat yang relevan seperti di atas dan sentuh **Simpan**.

Pilihan kenalan

Banyak yang anda boleh lakukan semasa melihat kenalan. Ini cara untuk mengakses dan menggunakan menu **Pilihan**:

- 1 Buka kenalan yang anda ingin guna. Lihat **Mencari kenalan** di atas.
- 2 Pilih **Pilihan** untuk membuka senarai pilihan. Dari sini anda boleh:

Edit - Menukar mana-mana butiran kenalan.

Mesej baru - Hantar mesej kepada kenalan. Jika kenalan mempunyai alamat e-mel, pilih sama ada anda mahu menghantar **Mesej** atau **E-mel**.

Hantar melalui - Hantar butiran kenalan kepada orang lain sebagai kad niaga. Pilih untuk hantar sebagai **Mesej teks**, **Mesej multimedia**, **melalui Bluetooth** atau melalui **E-mel**.

Padam - Memadam kenalan. Pilih **Ya** jika anda pasti.


Kenalan baru - Tambah kenalan baru.

Berbilang padam - Tandakan berbilang kenalan untuk dipadam.

Salin kepada SIM/Telefon - Pilih untuk memindah atau menyalin ke kad SIM atau telefon (bergantung kepada di mana anda menyimpan kenalan tersebut pada asalnya).

Menambah kenalan ke kumpulan

Anda boleh menyimpan kenalan anda ke dalam kumpulan, sebagai contoh, mengasingkan rakan sekerja dan keluarga. Terdapat beberapa kumpulan termasuk **Keluarga, Rakan, Rakan sekerja, VIP, Kumpulan1, Kumpulan2** dan **Tiada kumpulan** yang telah tersedia pada telefon anda.

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Kumpulan**.
- 2 Tatal kepada kumpulan yang anda hendak menambah kenalan dan sentuh **Paparkan** kemudian pilih **Tambah**.
- 3 Kenalan anda akan dibuka. Tatal kepada sebarang kenalan yang anda hendak tambah kepada kumpulan dan sentuh  , kemudian pilih **Selesai**.
- 4 Pilih **Ya** jika anda pasti.

PETUA! Anda boleh berikan nada dering atau ikon kepada kumpulan. Pilih kumpulan yang ingin anda berikan nada dering atau ikon, pilih **Pilihan** dan pilih item yang anda mahu.

Menamakan semula kumpulan

Anda boleh namakan semula sebarang kumpulan untuk sesuaikan gaya hidup anda.

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Kumpulan**.
- 2 Pilih kumpulan yang anda mahu namakan semula.
- 3 Pilih **Pilihan**, pilih **Namakan** semula dan masukkan nama kumpulan baru anda.
- 4 Pilih **Simpan**.

Nota: Anda hanya boleh berikan kenalan kepada kumpulan atau tambah gambar kepada kenalan yang disimpan pada memori telefon (bukan SIM) anda.

Menambah gambar kepada kenalan

Anda boleh tukar penampilan kenalan anda dalam buku alamat anda dengan memasukkan gambar.

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Pilih pilihan **Paparkan** dan pilih **Dengan** gambar.
- 3 Kemudian kembali kepada buku alamat dan pilih kenalan yang anda mahu tambahkan gambar.
- 4 Pilih **Pilihan** dan pilih **Edit**.

01

02

03

04

05

06

07

08

Kenalan

- 5 Tatal ke bawah kepada bahagian **Foto**. Pilih **Pilihan** dan pilih imej atau imej baru. Jika anda pilih imej, anda boleh pilih imej yang disimpan dalam memori telefon anda. Jika anda pilih imej baru, pencari pandangan kamera anda akan terbuka, supaya anda boleh mengambil gambar kenalan anda. Ambil gambar dan kemudian tekan tetapkan.
- 6 Pilih **Simpan**.

Menyalin kenalan anda ke SIM

Anda juga boleh memilih untuk menyalin kenalan dari SIM ke telefon bimbit anda atau dari telefon bimbit ke SIM anda.

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Salin Semua**.
- 2 Pilih untuk menyalin kenalan dari **SIM ke Telefon** atau **Telefon ke SIM**.
- 3 Pilih sama ada untuk menyimpan rakaman asal atau memadamnya.
- 4 Pilih **Ya** jika anda pasti.

Memadam semua kenalan anda

- 1 Pilih **Kenalan** dan pilih **Padam semua**.
- 2 Pilih untuk padam kenalan dari **SIM** atau **Telefon**.
- 3 Pilih **Ya** jika anda pasti.
- 4 Masukkan kata laluan tersebut, yang di setkan kepada 0000 sebagai lalai. Pilih **OK**.


Memapar maklumat

Pilih **Kenalan** dan pilih **Maklumat**. Dari sini anda boleh melihat **Nombor dail perkhidmatan**, **Nombor sendiri** dan **Kad niaga**.



PETUA! Jika anda belum membuat kad niaga, skrin **Kad Niaga** akan memberi anda pilihan untuk mencipta. Pilih **Baru** dan masukkan butiran anda yang anda mahukan untuk sebarang kenalan. Pilih **Simpan**.

Mesej

Mesej

KS360 anda termasuk fungsi berkaitan dengan SMS (Perkhidmatan Mesej Pendek), MMS (Perkhidmatan Mesej Multimedia) dan e-mel, juga mesej perkhidmatan rangkaian. Hanya sentuh  dan pilih **Mesej**.

Menghantar mesej

- 1 Tekan **Menu** atau , pilih **Mesej** dan pilih **Mesej baru**. Atau, cara yang lebih pantas ialah tekan  pada pad kekunci apabila gelangsar dibuka.
- 2 Pilih **Mesej** untuk menghantar SMS atau MMS. (Jika anda hendak menghantar **E-mel** lihat halaman 24~25 atau jika anda hendak menghantar sesuatu menggunakan **Bluetooth**, lihat halaman 56~57.)
- 3 Mesej baru akan terbuka.
Editor Mesej menggabungkan SMS dan MMS ke dalam satu intuitif dan mudah untuk menukar antara mod SMS dan mod MMS. Tetap lalai editor mesej adalah mod SMS.
- 4 Masukkan mesej anda menggunakan pad kekunci. Lihat halaman 24 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai bagaimana untuk memasukkan teks.

- 5 Pilih **Pilihan** dan pilih **Masuk** untuk menambah **Imej, Bunyi, Video, Simbol, Templat teks, Emoticon, Nama & Nombor, Slaid baru, Subjek** atau **Lagi (Kenalan/Kad perniagaan saya/ Jadual)**.
- 6 Pilih **Hantar** kepada.
- 7 Masukkan nombor telefon atau sentuh **Pilihan** dan pilih **Kenalan** untuk membuka senarai kenalan anda. Anda boleh tambah berbilang kenalan.
- 8 Pilih **Hantar**.



AMARAN: Jika **Imej, Bunyi, Video, Slaid baru** atau **Subjek** ditambah ke editor mesej, ia akan ditukarkan secara automatik ke mod MMS dan anda akan dicaj sewajarnya.

01

02

03

04

05

06

07


08

Mesej

Memasukkan teks

Anda boleh memasukkan aksara abjad angka dengan menggunakan pad kekunci telefon. Contohnya, menyimpan nama dalam Kenalan, menulis mesej dan membuat penjadualan peristiwa dalam kalendar semuanya memerlukan teks dimasukkan. Kaedah input teks yang berikut tersedia dalam telefon: Mod manual ABC dan Mod 123.

Nota: Seseengah medan mungkin hanya membenarkan satu mod input teks (cthnya nombor telefon dalam medan buku alamat).


Untuk input simbol dalam medan kemasukan teks, tekan kekunci  dan pilih simbol, kemudian tekan **OK**. Tatal menggunakan kekunci navigasi untuk menunjukkan lebih banyak pilihan simbol.

Lengkapkan setiap perkataan dengan ruang dengan menekan .

Untuk memadam aksara, sentuh kekunci .


Mod input teks menggunakan pad kekunci

Apabila anda perlu memasukkan teks, contohnya semasa menulis mesej, pad kekunci akan lalai kepada mod ABC. Jika anda ingin memasukkan nombor, contohnya semasa membuat panggilan, kekunci nombor pad kekunci akan lalai kepada nombor.

Dalam mod ABC anda boleh memasukkan nombor dengan menekan  dahulu dan kemudian nombor yang anda mahu.

Menyediakan e-mel anda

Anda boleh kekal berhubung sambil bergerak dengan menggunakan KS360 anda. Ia lebih cepat dan mudah untuk menetapkan akaun e-mel POP3 atau IMAP4.


- 1 Tekan **Menu** atau , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Pilih **E-mel** kemudian **Akaun e-mel**.
- 3 Pilih **Baru**.

Menghantar e-mel menggunakan akaun baru anda

Untuk menghantar/menerima e-mel, anda perlu menetapkan akaun e-mel (lihat di atas).

- 1 Pilih , pilih **Mesej** dan pilih **Mesej baru**.
- 2 Pilih **E-mel** dan e-mel baru akan terbuka.
- 3 Tulis tajuk kemudian sentu **OK**.
- 4 Masukkan mesej anda menggunakan pad kekunci.
- 5 Pilih **Pilihan** dan pilih lampiran untuk menambah: **Imej, Bunyi, Video, Dokumen, Kenalan, Kad perniagaan saya** dan **Jadual**.
- 6 Tekan **Hantar** dan masukkan alamat penerima dan sentuh **Pilihan** dan pilih **Kenalan** untuk membuka senarai kenalan anda.
- 7 Tekan **Hantar** dan e-mel anda akan dihantar.

Folder mesej

Tekan **Menu** atau , pilih **Mesej**. Anda akan mengenali struktur folder yang digunakan pada KS360 anda, ia jelas dengan sendiri.

Peti masuk - Semua mesej yang anda terima dimasukkan ke dalam peti masuk anda. Dari sini anda boleh membalas, kirim semula dan banyak lagi, lihat di bawah untuk butiran lanjut.

Peti e-mel - Mengandungi semua mesej e-mel anda. Pilih akaun yang hendak anda gunakan kemudian pilih **Dapatkan semula**. KS360 anda akan sambung ke akaun e-mel anda dan dapat semula mesej baru anda.

Draf - Jika anda tidak mempunyai masa untuk menghabiskan menulis mesej, anda boleh simpan apa yang telah anda tulis di sini.

Peti keluar - Ini adalah folder penyimpanan sementara apabila mesej sedang dihantar.

Dihantar - Semua mesej yang anda hantar dimasukkan ke dalam folder Dihantar anda.

Dengar mel suara - Anda boleh mengakses peti mel suara anda (jika disediakan oleh pembekal khidmat anda). Apabila mesej suara baru diterima, simbol akan dipaparkan pada skrin siap sedia.

Mesej maklumat - Semua maklumat mesej dan kemas kini diterima dari operator anda.

Templat - Senarai mesej yang berguna yang telah ditulis untuk balasan yang cepat.

01

02

03

04

05

06


07

08

Mesej

Menguruskan mesej anda

Anda boleh menggunakan **Peti masuk** anda untuk menguruskan mesej anda.

1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.

2 Pilih **Pilihan** dan kemudian pilih untuk:

Padam - Padam mesej yang dipilih.

Balas - Hantar balasan ke mesej yang dipilih.

Kirim semula - Hantar mesej yang dipilih kepada orang lain.

Panggilan balik - Panggil individu yang menghantar mesej kepada anda.

Paparan Urutan/Paparan Umum - Pilih cara mesej dipaparkan dalam peti masuk anda.

Maklumat - Papar butiran mesej, sebagai contoh masa mesej dihantar.

Salin/Alihkan- Anda boleh memilih untuk menyalin atau mengalihkkan mesej dipilih ke kad SIM atau telefon.

Berbilang Padam - Padam mesej yang dipilih.

Padam semua dibaca - Semua mesej yang dibuka akan dipadam.

Padam semua- Anda boleh memilih untuk memadam semua mesej atau hanya mesej teks.

Jika anda melihat mesej **Tiada ruang untuk mesej SIM** anda perlu memadam beberapa mesej dari peti masuk anda.

Jika anda melihat mesej **Tiada ruang untuk mesej** anda boleh memadam sama ada mesej atau fail yang disimpan untuk mewujudkan ruang.

Menggunakan templat

Anda boleh buat templat untuk mesej **Teks** dan **Multimedia** yang kerap anda hantar. Terdapat beberapa templat sedia ada pada telefon anda, yang mana boleh diedit jika anda mahu.

1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Mesej** dan pilih **Templat**.

2 Pilih **Teks** atau **Multimedia**. Anda boleh pilih **Pilihan** dan pilih **Edit** untuk menukar templat sedia ada, untuk menambah **Templat** baru atau untuk **Padam templat**.

3 Untuk menghantar templat, pilih satu yang anda mahu hantar, pilih **Pilihan** dan pilih **Hantar** melalui.

- Pilih bagaimana anda mahu menghantar templat, sebagai **Mesej**, mesej **Bluetooth** atau **E-mel**.
- Pilih kenalan dan pilih **Hantar**.

Menukar tetapan mesej teks anda

Tetapan mesej KS360 anda dipratetap supaya anda boleh menghantar mesej dengan segera.

Jika anda hendak menukar tetapan, anda boleh melakukannya dengan menggunakan pilihan **Tetapan**.

Tekan **Menu** atau , pilih **Mesej**, kemudian pilih **Tetapan** dan **Mesej teks**. Anda boleh membuat perubahan pada:

Jenis mesej - Menukar teks anda menjadi Suara, Faks, Mengeluli, E-mel X.400 atau ERMES.

Tempoh Kesahan - Pilih tempoh masa mesej anda disimpan di pusat mesej.

Laporan penghantaran - Pilih untuk menerima pengesahan bahawa mesej anda telah dihantar.

Bayaran balas - Pilih untuk dikenakan bayaran untuk balasan penerima mesej anda.

Nombor pusat mesej - Masukkan butiran untuk pusat mesej anda.

Pengekodan aksara - Pilih bagaimana aksara anda dikodkan. Ia memberi kesan saiz mesej anda dan oleh itu caj data.


Hantar teks panjang sebagai - Pilih sama ada untuk menghantar mesej sebagai SMS atau MMS apabila anda memasukkan teks panjang daripada 2 halaman dalam medan mesej.

Tetapan pembawa - Pilih sama ada untuk menghantar mesej anda melalui GSM atau GPRS.

Menukar tetapan mesej multimedia anda

Tetapan mesej KS360 anda dipratetap supaya anda boleh menghantar mesej dengan segera.

Jika anda hendak menukar tetapan, anda boleh melakukannya dengan menggunakan pilihan **Tetapan**.

Tekan **Menu** atau , pilih **Mesej**, kemudian pilih **Tetapan** dan **Mesej multimedia**.

Anda boleh membuat perubahan pada:

Tempoh slaid - Pilih berapa lama slaid anda muncul pada skrin.

Keutamaan - Pilih tahap keutamaan mesej multimedia anda.

01

02

03

04

05

06

07

08

Mesej

Tempoh Kesahan - Pilih tempoh masa mesej anda disimpan di pusat mesej.

Laporan penghantaran - Pilih untuk membenarkan dan/atau meminta laporan penghantaran.

Baca laporan - Pilih untuk membenarkan dan/atau menghantar laporan.


Muat turun auto - Pilih memuat turun mesej multimedia secara automatik atau secara manual bergantung kepada sama ada anda berada di rumah atau berada dalam perayauan.

Profil rangkaian - Pilih profil rangkaian khusus operator untuk menghantar mesej multimedia.

Jenis mesej yang dibenarkan - Pilih jenis mana mesej multimedia untuk dibenarkan.

Menukar tetapan e-mel anda

Anda boleh menyesuaikan tetapan e-mel anda ke keutamaan anda.

- 1 Tekan **Menu** atau  , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.
- 2 Pilih **E-mel** dan anda boleh menyesuaikan tetapan berikut:

Akaun e-mel - Anda boleh menetapkan akaun e-mel.

Pusat akses - Anda boleh menetapkan pusat akses e-mel.

Ambil rehat - Pilih berapa kerap KS360 anda menyemak untuk mesej e-mel baru.

Tandatangan - Membuat tandatangan e-mel dan hidupkan ciri ini.

Menukar tetapan mesej yang lain

Tekan **Menu** atau  , pilih **Mesej** dan pilih **Tetapan**.

Nombor mel suara - Nombor mel suara anda disimpan di sini. Hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perkhidmatan yang disediakan.


Mesej perkhidmatan - Tukar tetapan mesej perkhidmatan anda.


Mesej maklumat - Pilih status penerimaan, amaran dan bahasa mesej maklumat anda.

Simpan mesej teks - Pilih sama ada untuk menyimpan mesej teks anda ke memori telefon atau ke memori luaran.

Multimedia


Menangkap foto pantas


- 1 Tahan kekunci kamera di sebelah kiri telefon bimbit. Pencari pandangan kamera akan muncul pada skrin.
- 2 Pegang telefon secara mendatar, halakan lensa ke arah subjek foto.
- 3 Letakkan telefon supaya anda boleh melihat subjek foto anda.
- 4 Tekan  atau kekunci kamera untuk mengambil foto.


Nota: Anda juga boleh mengakses menu kamera daripada skrin siap sedia. Tekan  dan pilih **Kamera**. Pilih Kamera untuk membuka pencari pandangan.

Sebelum anda mengambil foto anda


Tekan  untuk mengakses foto ini:

 **Pemasa sendiri** - Pemasa sendiri membolehkan anda menetapkan tunda selepas butang tangkap ditekan. Pilih daripada 3 saat, 5 saat atau 10 saat. Bagus untuk foto kumpulan yang anda ingin sertai.

 **Berbilang tangkapan** - Ini membolehkan anda mengambil sehingga 9 tangkapan secara automatik dalam turutan yang pantas, bagus untuk mengambil foto objek bergerak atau acara sukan.

 **Imbangan putih** - Imbangan putih memastikan bahawa mana-mana warna putih dalam video anda adalah realistik. Untuk menyelaraskan imbangan putih pada kamera anda dengan betul, anda perlu menentukan keadaan cahaya. Pilih daripada mod **Auto**, **Cerah**, **Pijar**, **Redup**, **Pendarfluor** atau **Malam**.

 **Efek warna** - Pilih daripada empat pilihan ton warna: **Mati** (normal/warna), **Sepia**, **Mono** (hitam dan putih) atau **Negatif**.

 **EV** - Hidupkan mod makro jika anda mahu mengambil gambar sangat dekat dengan subjek imej.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Selepas anda mengambil foto

Foto tangkapan anda akan muncul pada skrin. Nama imej berjalan sepanjang bahagian bawah skrin dan anda boleh lihat enam pilihan dipaparkan pada bahagian kiri skrin.

OK - Pilih untuk mengambil foto lain dengan segera. Foto semasa anda akan disimpan.



Imej baru - Pilih untuk mengambil foto lain dengan segera. Foto semasa anda akan disimpan.



Set sebagai - Pilih untuk membuka menu sub untuk menetapkan imej anda sebagai **Kertas hias dinding** atau **ID gambar**.



Hantar melalui - Pilih untuk menghantar foto sebagai **Mesej multimedia** atau **E-mel**.



Album - Pilih untuk melihat foto lain dalam album anda. Foto semasa anda akan disimpan. Lihat halaman 31 untuk **Melihat foto yang disimpan**.

Padam - Pilih untuk memadam foto yang anda baru ambil dan sahkan dengan menekan **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

Menggunakan tetapan pantas

Pilih **Pilihan** untuk mengakses pilihan tetapan pantas. Ini termasuklah pelbagai pilihan untuk mengambil foto.

Kamera video - Tukar daripada mod kamera kepada mod kamera video.

Paparan - Pilih mod Biasa atau **Bersih**.

Resolusi - Lihat **Menukar saiz imej** pada halaman 31.

Kualiti - Pilih antara **Normal**, **Halus** dan **Sangat Halus**. Lebih halus kualiti, lebih tajam foto tersebut. Saiz fail akan bertambah, yang bermakna anda hanya boleh menyimpan sedikit gambar dalam memori anda.

Nada pengatup - Pilih salah satu daripada tiga bunyi pengatup atau matikan bunyi.

Simpan ke - Pilih sama ada untuk menyimpan foto anda ke memori telefon atau ke memori luaran.


Tetap semula tetapan – Pilih **Ya** untuk memulakan semula telefon anda pada tetapan kamera asalnya.

Menukar saiz imej

Anda boleh menukar saiz foto untuk menyimpan ruang memori. Piksel yang tinggi, saiz fail yang besar akan memerlukan ruang yang banyak pada memori anda. Jika anda hendak memuatkan lebih banyak gambar pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail.

- 1 Tekan **Pilihan** dan pilih **Resolusi** dari bar alat.
- 2 Pilih nilai piksel daripada empat pilihan berangka (320x240, 640x480, 1280x960, 1600x1200).
- 3 Pilih pilihan saiz yang anda hendak gunakan dan sentuh **OK** untuk melaksanakan perubahan anda.

Melihat foto yang disimpan

- 1 Anda boleh akses foto yang disimpan anda dari mod kamera dan dari skrin siap sedia. Dari pencari pandangan, pilih **Album**. Daripada skrin siap sedia anda harus menekan **Menu** atau , dan pilih **Bahan saya** dan **Imej**.
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Gunakan anak panah untuk memilih foto yang hendak anda lihat dan sentuh **Lihat** untuk membesarkannya.

Menetapkan foto sebagai Kertas hias dinding atau ID gambar


Dari galeri imej anda, gunakan anak panah pada pad sentuh untuk memilih imej dan sentuh **Set sebagai** untuk menggunakan imej yang dipilih sebagai **Kertas hias dinding** atau **ID gambar** untuk salah satu kenalan anda. Apabila anda menetapkan foto sebagai **ID Gambar** anda boleh pilih bahagian foto yang mahu digunakan.

Nota: ID gambar hanya boleh ditambah pada kenalan yang disimpan pada telefon anda bukan SIM.

Multimedia

Menangkap video pantas

- 1 Tekan cepat kekunci kamera di sebelah kiri telefon bimbit.
- 2 Pilih **Kamera Video**.
- 3 Tujukan lensa kamera ke arah subjek video.
- 4 Tekan kekunci kamera di sebelah kiri telefon bimbit untuk mulakan rakaman.
- 5 **RAKAM** akan muncul pada bahagian bawah sudut kanan pencari pandangan dan pemasakan menunjukkan panjang video anda.
- 6 Untuk menjeda video pilih **Jeda** dan sambung dengan memilih **Sambung**.
- 7 Sentuh **Henti** untuk berhenti merakam.

Nota: Anda juga boleh mengakses **Kamera Video** dari skrin siap sedia. Tekan  dan pilih **Kamera**, tatal ke bawah dan pilih **Kamera Video** untuk membuka pencari pandangan.

Setelah anda menangkap video

Nama video berjalan sepanjang bahagian bawah skrin dan anda boleh lihat enam pilihan dipaparkan pada bahagian kiri skrin.

OK - Sentuh untuk merakam video lagi dengan segera. Video semasa anda akan disimpan.



Video baru - Sentuh untuk merakam video lain dengan segera. Video semasa anda akan disimpan.



Main - Sentuh main untuk memainkan video yang baru anda rakam.



Hantar melalui - Sentuh untuk menghantar video sebagai **Mesej multimedia** atau **E-mel**. Lihat halaman 23 untuk **Menghantar mesej**.



Album - Sentuh untuk melihat klip video lain dalam album anda. Video semasa anda akan disimpan. Lihat halaman 33 untuk **Menonton video yang disimpan**.

Padam - Sentuh video yang baru sahaja anda rakam dan sahkan dengan menekan **Ya**. Pencari pandangan akan muncul semula.

Mendapat maklumat lanjut mengenai pencari pandangan

Nota: Anda boleh melaraskan zum menggunakan kekunci kelantangan pada sisi kiri telefon.

Menggunakan tetapan pantas

Pilih **Pilihan** untuk mengakses pilihan tetapan pantas. In termasuklah pelbagai pilihan untuk merakam video.

Kamera - Tukar daripada mod kamera video kepada mod kamera pegun.

Paparan - Pilih mod Biasa atau **Bersih**.


Resolusi – Jika anda hendak memuatkan lebih banyak video pada telefon anda, anda boleh mengubah nombor piksel untuk mengecilkan saiz fail. Pilih antara dua pilihan untuk video anda, **176x144**, **320x240**.

Kualiti - Sangat halus/ Halus/ Normal

Simpan ke - Pilih sama ada untuk menyimpan klip video anda ke memori telefon atau ke memori luaran.

Set semula tetapan - Pilih **Ya** untuk menetapkan semula telefon anda ke tetapan kamera video asal.

Melihat video anda yang disimpan

- 1 Anda boleh akses video yang disimpan anda sama ada dari dalam mod kamera video atau dari skrin siap sedia. Daripada pencari pandangan, pilih **Album**. Daripada skrin siap sedia anda harus menekan **Menu** atau , kemudian memilih **Bahan saya** dan **Video**.
- 2 Galeri anda akan muncul pada skrin.
- 3 Gunakan kekunci navigasi untuk memilih video yang ingin anda tonton dan tekan  untuk menontonnya.

Melaraskan kelantangan apabila melihat video

Untuk selaraskan kelantangan audio pada video semasa video dimainkan, gunakan kekunci kelantangan pada sebelah kiri telefon bimbit. Tahap kelantangan akan ditunjukkan di bawah video, pada sebelah kiri.

01

02

03

04

05

06

07

08

Multimedia

Pemain MP3

LG KS360 anda telah dibina dengan pemain MP3 agar anda boleh mendengar semua lagu kegemaran anda.

Untuk mengakses pemain MP3, tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia** kemudian **Pemain MP3**. Daripada di sini anda mempunyai akses kepada:

Semua lagu - Mengandungi semua lagu yang anda miliki dalam telefon.

Senarai main saya - Mengandungi sebarang senarai main yang anda telah buat semasa **On the go**, **Lagu terbaru** dan **Lagu kegemaran**.

Tetapan - Laraskan tetapan muzik anda.






Memindahkan muzik pada telefon anda

Cara paling mudah untuk memindahkan muzik pada telefon anda adalah melalui Bluetooth atau kabel segerak. Untuk memindahkan menggunakan Bluetooth:

- 1 Untuk pastikan kedua-dua peranti menghidupkan Bluetooth dan kelihatan pada satu sama lain.

- 2 Pilih fail muzik pada peranti yang lain dan pilih untuk menghantarkannya melalui Bluetooth.
- 3 Apabila fail dihantar anda perlu menerimanya pada telefon anda dengan menyentuh **Ya**.
- 4 Fail perlu muncul dalam **Semua lagu**.

Memainkan lagu

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **Pemain MP3**.
- 2 Pilih lagu yang hendak anda main. sentuh .
- 3 Pilih  untuk menjedakan lagu.
- 4 Pilih  untuk melangkau ke lagu seterusnya.
- 5 Pilih  untuk melangkau ke lagu sebelumnya.
- 6 Pilih  untuk menghentikan muzik dan kembali ke menu Pemain MP3.

PETUA! Untuk menukar kelantangan sambil mendengar muzik, gunakan kekunci kelantangan pada sisi telefon anda, atau kekunci navigasi ke atas dan ke bawah.

Menggunakan pilihan sambil memainkan muzik

Pilih **Pilihan** dan pilih dari:

Minimum - Sembunyikan skrin pemain muzik supaya anda boleh terus menggunakan telefon anda seperti biasa apabila muzik sedang dimainkan.

Lihat senarai main - Lihat senarai main yang anda sedang dengar.

Cari - Cari trek daripada senarai lagu dalam telefon anda.

Tambah pada senarai main- Tambah senarai semasa pada senarai main.



Set sebagai - Tetapkan trek semasa sebagai nada mesej anda.

Maklumat - Anda dapat melihat maklumat tentang fail MP3 yang anda dengar.



Tetapan - Tukar tetapan Susun semula, Mod main dan Ekuwalizer.

Membuat senarai main

Anda boleh membuat senarai main anda sendiri dengan memilih pilihan lagu dari folder **Semua lagu**.

- 1 Tekan  dan pilih **Multimedia**.
- 2 Pilih **Pemain MP3**, kemudian pilih **Senarai main saya**.
- 3 Tekan **Baru**, masukkan nama senarai baru dan sentuh **Simpan**.
- 4 Folder **Senarai Main Baru** akan dipamerkan. Pilih semua lagu yang hendak anda masukkan dalam senarai main dengan skrol dan menyentuh .
- 5 Pilih **Simpan** untuk menyimpan senarai main.

Memainkan senarai main

- 1 Tekan **Menu**  atau pilih **Multimedia**.
- 2 Pilih pemain **MP3**, kemudian pilih **Senarai main saya**.
- 3 Pilih senarai main yang anda mahu main dan pilih **Paparkan**, kemudian pilih .

01

02

03

04

05

06

07


08

Multimedia

Mengedit senarai main

Dari masa ke masa, anda mungkin hendak untuk menambah lagu baru atau padam lagu dari senarai main.

Jika anda mahu mengatur senarai main anda, anda boleh editnya menggunakan menu **Pilihan**.

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**.
- 2 Pilih pemain **MP3**, kemudian pilih **Senarai** main saya.
- 3 Tatal kepada senarai main yang anda mahu edit dan pilih **Paparkan**, kemudian pilih **Pilihan**. Pilih dari:

Main - Anda boleh main muzik yang dipilih.

Tambah - Anda boleh tambah lagu kepada senarai main menggunakan pilihan ini.


Keluarkan - Keluarkan lagu daripada senarai main. Pilih **Ya** untuk sahkan.

Berbilang padam - Pilih dan padam lagu daripada senarai main.

Keluarkan semua - Keluarkan semua lagu daripada senarai main.

Maklumat - Paparkan maklumat senarai main.

Memadam senarai main

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**.
- 2 Pilih pemain **MP3**, kemudian pilih **Senarai** main saya.
- 3 Tatal kepada senarai main yang anda mahu padam dan pilih **Pilihan**.
- 4 Pilih **Padam** semua dan pilih **Ya** untuk sahkan.

Nota:

Sebagai hasil sistem Digital Rights Management (DRM), beberapa item media yang anda muat turun daripada Internet atau terima melalui MMS mungkin mempunyai menu "Purchase right" untuk mengaksesskannya. Anda boleh peroleh kunci untuk membeli hak tersebut daripada laman web yang memiliki hak ke atas kandungan itu.

Muzik dilindungi hak cipta dalam perjanjian antarabangsa dan undang-undang hak cipta nasional. Anda perlu mendapatkan kebenaran atau lesen mengeluarkan semula atau menyalin muzik mungkin didapatkan.. Dalam sesetengah negara undang-undang nasionalnya melarang penyalinan peribadi bahan hak cipta. Sila periksa perundangan nasional negara yang berkaitan mengenai penggunaan bahan seumpama ini.

Menggunakan Radio FM


LG KS360 anda mempunyai ciri radio FM supaya anda boleh nada stesen kegemaran untuk didengari semasa mengembara.

Nota: Anda perlu memasukkan fon kepala anda untuk mendengar radio. Masukkan plag ke dalam soket alat dengar (ini adalah soket sama yang anda plag pengecas anda).

Mencari stesen


Anda boleh menala stesen radio ke dalam telefon anda dengan mencari stesen tersebut secara manual atau automatik. Ia akan disimpan ke dalam nombor saluran spesifik nombor dan anda tidak perlu untuk menala semula. Anda boleh simpan sehingga 12 saluran dalam telefon anda.

Untuk menala secara automatik:

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **Radio FM**.
- 2 Pilih **Pilihan** dan **Imbas auto** kemudian **Ya**.

- 3 Setiap kali stesen dijumpai, KS360 anda akan bertanya sama ada anda mahu menyimpannya. Pilih **Ya** jika anda mahu simpan saluran itu dan **Tidak** jika tidak mahu. Sebarang stesen yang anda pilih untuk disimpan akan ditempatkan ke dalam nombor saluran pada telefon anda secara automatik.

Untuk menala secara manual:


- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **Radio FM**.
- 2 Pilih nombor saluran yang anda mahu untuk simpan stesen dan pilih **Edit**.
- 3 Untuk memasukkan stesen anda, anda boleh menggunakan anak panah pad sentuh untuk mencari atau anda boleh masukkan frekuensi menggunakan pad kekunci kemudian pilih **Simpan**.

Nota: Anda juga boleh mengedit stesen yang telah anda simpankan dalam nombor saluran.


PETUA! Untuk meningkatkan penerimaan radio, panjangkan kord set kepala yang berfungsi sebagai antena radio.

Multimedia

Menetapkan kembali saluran

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **radio FM**.
- 2 Pilih **Pilihan** dan pilih **Tetapkan** semula saluran. Pilih **Ya** untuk sahkan tetapan semula. Setiap saluran akan kembali ke frekuensi permulaan 87.5Mhz .

Mendengar radio




- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **radio FM**.
- 2 Pilih nombor saluran stesen yang anda mahu dengar.

Nota: Anda boleh mendengar radio melalui pembesar suara terbina dalam. Tekan **Pilihan**, pilih **Dengar** melalui dan pilih **Pembesar** suara.

Menggunakan perakam suara

Gunakan **Perakam suara** anda untuk merakam memo suara atau bunyi yang lain.

Merakam memo suara anda

- 1 Tekan **Menu** atau  dan pilih **Multimedia**, kemudian pilih **Perakam suara**.
- 2 Tekan  untuk memulakan rakaman.
- 3 Pilih **Jeda** untuk menjeda rakaman.
- 4 Pilih **Simpan** untuk menamatkan rakaman.
- 5 Pilih  untuk mendengar pada rakaman.

Nota: Anda boleh mendengar semua rakaman suara yang ada dengan memilih **Pilihan** dan **Album**.

Menghantar rakaman suara

- 1 Apabila anda telah selesai merakam, pilih **Pilihan**.
- 2 Pilih **Hantar melalui** dan pilih daripada **Mesej multimedia**, **Bluetooth** atau **E-mel**. Jika anda pilih **Mesej** atau **E-mel**, rakaman akan ditambah pada mesej dan anda boleh menulis dan menghantarnya sebagai normal. Jika anda memilih **Bluetooth**, anda akan digesa untuk menghidupkan Bluetooth.

PETUA! Jika anda rancang untuk menghantar perakaman anda sebagai mesej, sebelum memulakan rakaman, sentuh **Pilihan**, pilih **Mod perakaman** dan pilih **MMS**. ia akan memastikan bahawa perakaman sesuai dalam mesej.

Bahan saya

Anda boleh menyimpan sebarang fail multimedia ke dalam memori telefon anda supaya anda mempunyai akses mudah pada semua gambar, bunyi, video, dan permainan. Anda juga boleh menyimpan fail pada kad memori anda. Kelebihan menggunakan kad memori adalah anda boleh mengosongkan ruang pada memori telefon anda.

Semua fail multimedia anda akan disimpan dalam **Bahan Saya**. Tekan **Menu** atau  kemudian pilih **Bahan saya** untuk membuka senarai folder.

Imej

Imej mengandungi folder imej lalai yang dipramuat pada telefon anda, imej yang dimuat turun oleh anda dan imej yang diambil oleh kamera telefon anda.

Menu pilihan imej

Pilihan yang tersedia kepada anda dalam Imej bergantung pada jenis imej yang anda telah pilih. Semua pilihan akan tersedia untuk gambar yang telah anda ambil menggunakan kamera telefon. Hanya pilih **Paparkan, Tetapkan sebagai, Maklumat fail, Tayangan slaid, Susun mengikut dan Gaya** paparan tersedia bagi imej lalai.

Dalam folder Imej, pilih **Pilihan** untuk mengeluarkan senarai pilihan anda.

Padam - Padam imej yang dipilih.

Tetapkan sebagai - Tetapkan imej yang dipilih sebagai Kertas hias dinding anda atau sebagai **ID Gambar**.

Hantar melalui - Hantar imej yang dipilih kepada rakan melalui mesej **Multimedia**, Bluetooth atau **E-mel**.

Nota: Imej perlu disaizkan kembali sebelum ia boleh dihantar oleh MMS.

Fail - Edit imej, Namakan semula, Buat animasi atau lihat maklumat (Nama, Saiz, Tarikh, Masa, Resolusi, Jenis dan Hak cipta) imej yang dipilih. Jika anda mempunyai kad memori luaran dimasukkan, dua pilihan tambahan akan muncul: Pindahkan kepada memori luaran dan **Salin kepada** memori luaran.

Cetak melalui - Cetak fail imej melalui Bluetooth atau **Pictbridge**.

Tayangan slaid - Tonton tayangan slaid imej anda. Lihat **Membuat pertunjukan slaid** pada halaman 41 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Folder baru - Buat folder baru dalam folder Imej utama.

Tanda/Buang tanda - Pilih lebih daripada satu imej untuk padam.

01

02

03

04

05

06

07

08

Bahan saya

Padam semua - Padam semua foto dalam folder Imej anda.


Susun mengikut - Aturkan imej anda mengikut **Tarikh**, **Jenis** atau **Nama**.

Gaya paparan - Tukar cara anda memaparkan foto anda.


Menghantar foto

- 1 Tekan **Menu** atau  kemudian pilih **Bahan saya**.
- 2 Pilih **Imej**.
- 3 Pilih foto dan pilih **Pilihan**.
- 4 Pilih **Hantar melalui** dan pilih daripada **Mesej multimedia**, **Bluetooth** atau **E-mel**.
